


**BAHAGIAN II**  
**DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN DAN JAWAPAN LISAN**  
**(7 HINGGA 22 DISEMBER 2015)**



## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH**

**TARIKH : 7.12.2015**

**SOALAN : NO. 49**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah implikasi dari kesan pengurusan belanjawan 2016 baru-baru ini terhadap kedudukan yuran pengajian pelajar dan apakah akan diberhentikan para pelajar yang tidak membayar yuran secara tetap kerana masalah kewangan.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang dimaklumkan dalam sidang media oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi pada 26 Oktober 2015 dan penggulungan Bajet Peringkat Dasar pada 4 November 2015, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memberi jaminan bahawa yuran pengajian *undergraduate* di universiti awam tidak akan dinaikkan.

Bagi mengatasi perkara ini, universiti awam perlu meningkatkan produktiviti, efisiensi dan penjanaan dana supaya memaksimumkan penggunaan segala aset dan kepakaran universiti untuk menjana pendapatan dalaman dengan sasaran KPT sehingga 25 peratus menjelang tahun 2025.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. HOU KOK CHUNG**

**TARIKH : 8.12.2015**

**SOALAN : NO. 11**

**Dato' Dr. Hou Kok Chung** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar Malaysia yang belajar di Institusi Pengajian Tinggi di Australia, Indonesia dan Taiwan bagi tahun 2014 dan setakat Oktober 2015.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2014, jumlah pelajar Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Australia ialah seramai **20,535** orang, di Indonesia seramai **4,527** orang dan di Taiwan ialah seramai **12,137** orang.

Bagi tahun 2015 pula, bilangan pelajar Malaysia di IPT Australia adalah seramai **14,182** orang dan di Indonesia seramai **4,417** orang. Manakala, jumlah pelajar di IPT di Taiwan bagi tahun 2015 sedang dikemaskini bersama pihak Kedutaan Malaysia di Taipei.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK S.VIGNESWARAN A/L M. SANESSEE**

**TARIKH : 9.12.2015**

**SOALAN : NO. 2**

**Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengenai syarat pencapaian pendidikan bagi pelajar-pelajar asing untuk memasuki Universiti Tempatan dan kaedah penaakulan pencapaian yang dijalankan terhadap pelajar-pelajar asing kerana kelayakan pelajar-pelajar tersebut tidak berdasarkan sistem pendidikan tempatan.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat lima pertanyaan yang dibangkitkan kepada KPT yang berkaitan dengan pelajar antarabangsa. Memandangkan isu yang dibangkitkan mempunyai saling kaitan, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut secara serentak seperti berikut:

- a) **YB Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee** pada 9.12.15 (hari ini) serta dua soalan pada 10.12.15.
- b) **YB Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor** pada 17.12.15.
- c) **YB Senator Datuk Ng Chiang Chin** pada 17.12.15.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melaksanakan penilaian taraf kelayakan akademik luar negara dengan kesetaraan kelayakan di Malaysia. Ia bertujuan untuk membantu Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang berhasrat mengambil pelajar dari luar negara untuk kemasukan ke IPT memenuhi syarat dan setaraf dengan kelayakan Malaysia. Syarat memasuki IPTS adalah berdasarkan surat Perakuan Memenuhi Keperluan Kualiti Untuk Tujuan Menawarkan Program (mengikut program

yang ditawarkan) yang dikeluarkan oleh MQA, sementara syarat kelayakan masuk bagi IPTA pula adalah tertakluk kepada kelulusan senat universiti dan garis panduan MQA.

Dengan yang demikian, dapatlah dipastikan bahawa pelajar antarabangsa mengguna pakai taraf kelayakan luar negara yang telah dinilai taraf setara dengan SPM, STPM atau setaraf termasuk A Level sebagaimana kelayakan kemasukan ke IPT bagi pelajar tempatan.

KPT sentiasa memberikan peluang yang seimbang kepada pelajar tempatan atau asing untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di negara ini tertakluk kepada syarat kelayakan masuk yang telah ditetapkan tanpa prejudis dan menganaktirikan mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua,

Menyedari kepentingan kemasukan pelajar asing dapat membantu menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi bertaraf global, Kementerian amat komited bagi mencapai matlamat seperti yang digariskan di dalam Lonjakan 8, Keunggulan Global di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Kementerian melalui Education Malaysia Global Service (EMGS) amat serius dalam memastikan hanya pelajar yang melepasi syarat dan benar-benar layak sahaja diterima masuk melanjutkan pengajian ke Malaysia. Setiap permohonan pas pelajar antarabangsa secara keseluruhannya akan melalui dua saringan iaitu surat Kelulusan Visa (Visa Approval Letter – VAL) sebelum memasuki negara dan Kelulusan Pengeluaran Stiker Pas selepas memasuki negara.

Sekiranya pelajar-pelajar didapati terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang setelah memasuki Malaysia dan mendapat stiker pas, ia akan tertakluk kepada *Standard Operating Procedure* (SOP) Agensi Penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan lain-lain.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD**

**TARIKH : 9.12.2015**

**SOALAN : NO. 6**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah mempersiapkan universiti awam tempatan dalam menghadapi era persaingan global.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih di atas keperihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam isu yang berkaitan dengan Universiti Awam (UA). Terdapat tiga lagi pertanyaan yang melibatkan UA, oleh yang demikian, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut secara serentak seperti berikut:

- a) **YB Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad** - 8.12.15 (Hari ini)
- b) **YB Senator Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin** - 9.12.15
- c) **YB Senator Dato' Hoh Khai Mun** - 16.12.15
- d) **YB Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin** - 22.12.15

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [ PPPM (PT)] sebagai satu hala tuju bagi memastikan sistem pendidikan tinggi negara sentiasa berdaya saing seiring dengan *trend* global. Matlamat PPPM (PT) adalah untuk melahirkan bakat yang didorong oleh nilai dengan mentaliti kelas pertama (*value-driven talent with first class mentality*) melalui 10 Lonjakan. **Lonjakan 1:** Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang akan memberi tumpuan kepada usaha membangunkan kurikulum yang lebih bersepadu berbanding

sebelum ini, di samping meningkatkan ekosistem untuk pembentukan pembangunan pelajar, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Melalui PPPM(PT), antara langkah yang dilaksanakan ialah **Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu atau iCGPA** yang tidak hanya mentaksir pengetahuan dan kemahiran berfikir (sebagaimana amalan sekarang), tetapi juga mentaksir atribut utama lain seperti kemahiran komunikasi dan kepimpinan. Selain itu, **program akademik sarjana muda berbentuk 2+2 atau 3+1** turut dilaksanakan bagi memberi persediaan kepada bakal graduan untuk menempuh alam pekerjaan. Ia melibatkan pembelajaran selama 2 atau 3 tahun di kampus dan selebihnya di luar kampus, pembelajaran di industri atau bersama masyarakat. Bagi meningkatkan kecemerlangan bakat pensyarah dan juga pelajar, **Program Fakulti Ketua Pegawai Eksekutif atau CEO@Faculty** merupakan salah satu langkah yang telah dilaksanakan di bawah Lonjakan 2: Kecemerlangan Bakat dengan melibatkan perkongsian ilmu dan pengalaman oleh 22 orang tokoh korporat, pegawai tadbir serta pemimpin komuniti.

Di samping itu, **Program Transformasi IPT** merupakan salah satu langkah keutamaan Kementerian dalam menghadapi era persaingan global. Lima buku panduan amalan terbaik atau *playbooks* sedang dibangunkan untuk disebar di seluruh UA sebagai panduan praktikal untuk membantu melaksanakan program transformasi masing-masing atau dalam meningkatkan amalan sedia ada dalam bidang kritikal. Kementerian juga akan menggalakkan dan memudahkan penubuhan makmal penyelidikan antarabangsa di Malaysia dengan kerjasama IPT, industri serta organisasi yang berkaitan bagi menggalakkan penyelidikan berimpak tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengurangkan kebergantungan kepada dana awam, UA akan mempelbagaikan sumber pendapatan untuk meningkatkan kualiti program secara berterusan, lebih berhemat dan inovatif dalam penggunaan sumber. UA akan memaksimumkan penjanaaan dana melalui **pengkomersilan idea** dalam perundingan, penyelidikan dan latihan yang menjadi bidang kepakaran universiti.



Selain itu, pendapatan UA juga boleh dijana melalui sewaan aset serta penerbitan buku, jurnal dan aktiviti percetakan dan produksi.

UA akan sentiasa menambah baik struktur tadbir urus yang relevan bagi mengurus aktiviti secara profesional tanpa mengabaikan misi teras pendidikan. Justeru, pelbagai kaedah turut diambil dalam membuat perubahan kurikulum serta modul pengajian seperti melaksanakan Kursus Berdasarkan Konsep Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) dan Melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Framework-MQF) bagi memastikan kebolehpasaran graduan UA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK YOO WEI HOW**

**TARIKH : 9.12.2015**

**SOALAN : NO. 12**

**Datuk Yoo Wei How** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah bilangan lesen yang dikeluarkan untuk Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan berapakah lesen yang sedang aktif beroperasi memberi kursus kepada pelajar serta bilangan bagi yang tidak beroperasi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Oktober 2015 terdapat 510 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta telah didaftarkan di bawah Akta institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) dan aktif beroperasi.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK PROF. DR. SIM KUI HIAN**

**TARIKH** : **9.12.2015**

**SOALAN** : **NO. 15**

**Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada terdapat pelan untuk meningkatkan taraf Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kepada Universiti Penyelidikan agar taraf dan mutu UNIMAS dapat dipertingkatkan sampai ke peringkat antarabangsa.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) adalah universiti baharu yang ditubuhkan dengan rasminya pada tahun 1992 bertujuan untuk memberikan lebih akses pendidikan tinggi kepada penduduk setempat terutamanya penduduk Sarawak. Untuk meningkatkan taraf universiti kepada universiti penyelidikan, sesebuah universiti itu perlu memenuhi pra syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Antara syarat utama adalah universiti perlu menyediakan program pra-siswazah dan pasca siswazah yang berorientasikan penyelidikan dengan bilangan staf akademik adalah sekurang-kurangnya 1000 orang. Selain itu, universiti juga perlu menunjukkan pencapaian yang baik dan konsisten dalam sistem penilaian yang dilaksanakan oleh Kementerian.

Kementerian tidak mempunyai perancangan untuk menambah bilangan Universiti Penyelidikan dan UNIMAS adalah sebuah universiti baharu yang memerlukan masa untuk memperkasakan aktiviti penyelidikannya. Sebaliknya, UNIMAS akan meneruskan objektif penubuhannya sebagai universiti komprehensif untuk menyediakan akses pendidikan tinggi kepada rakyat.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ENSKU NAIMAH BT ENSKU TAIB**

**TARIKH : 9.12.2015**

**SOALAN : NO. 39**

**Tuan Engku Naimah bt Engku Taib** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan Universiti Swasta (US) yang beroperasi di negara ini dan nyatakan bilangan pelajar Universiti Swasta berkenaan serta bidang pengajian yang dijalankan dan sejauh manakah kehadiran Universiti Swasta ini dapat memartabatkan pendidikan tinggi di negara ini.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Oktober 2015 terdapat 110 buah Universiti Swasta (US) yang terdiri daripada 62 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bertaraf universiti, 39 buah IPTS bertaraf kolej universiti dan 9 buah IPTS bertaraf kampus cawangan universiti luar negara. Berdasarkan data sehingga 31 Disember 2014, jumlah pelajar yang sedang mengikuti pengajian di 110 buah US ini adalah seramai 345,372 orang yang terdiri daripada pelbagai bidang pengajian.

IPTS telah menyediakan akses kepada pendidikan tinggi dan memberi peluang kepada rakyat mendapatkan pengajian daripada peringkat sijil sehinggalah kepada peringkat doktor falsafah. US turut melahirkan tenaga kerja pakar yang kritikal untuk keperluan negara dan menawarkan pengajian sehingga diperingkatkan PhD. Perkara ini juga akan menyokong pembangunan dan pengekalan bakat dalam negara seperti mana yang telah dirancang dalam Lonjakan Kecemerlangan Bakat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)]. Selain melahirkan graduan yang memenuhi keperluan negara, IPTS juga terlibat

dalam kerjasama-kerjasama dengan institusi luar negara untuk membawa pendidikan yang berkualiti untuk dijalankan dalam negara.

Perkembangan dan peningkatan kualiti program pengajian, kualiti sumber, kualiti amalan serta kualiti institusi secara keseluruhannya akan terus dipantau oleh Kementerian Pendidikan Tinggi agar hasrat menjadikan Malaysia sebagai Hub Pendidikan Tinggi Serantau pada masa akan datang dapat direalisasikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI NALLA K. S.**

**TARIKH : 9.12.2015**

**SOALAN : NO. 73**

**Datuk Seri Nalla K. S.** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pelajar yang ditaja dengan biasiswa Kerajaan yang telah menyertai perhimpunan haram dan jumlah kes yang telah disiasat serta diambil tindakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Setakat ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tidak mempunyai rekod/maklumat mengenai pelajar tajaan/ biayaan KPT yang digantung atau ditamatkan pengajian kerana menyertai mana-mana perhimpunan haram.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kes pelajar tajaan KPT yang digantung/ ditamatkan pengajian oleh universiti kerana menyertai perhimpunan haram, tindakan penamatan tajaan serta tuntutan ganti rugi akan dikuatkuasakan.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. JOHARI BIN MAT**

**TARIKH : 14.12.2015**

**SOALAN : NO. 18**

**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:-

- i. berapa ramaikah bilangan pakar akademik dan profesor yang sedang berkhidmat di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia mengikut bidang dan kepakaran masing-masing.
- ii. Sejauh manakah Kerajaan memanfaatkan kepakaran mereka dalam pembangunan negara.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 2014, terdapat seramai 29,106 orang pakar akademik dan profesor yang sedang berkhidmat di Universiti Awam. Bagi Universiti Swasta pula, sehingga 2014, bilangan pakar akademik dan profesor adalah seramai 23,591 orang.

Pakar akademik dan profesor yang sedang berkhidmat di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia ini merupakan aset yang berharga untuk negara. Golongan ini mempunyai bakat serta kepakaran tertentu dan telah menyumbang dalam melahirkan graduan negara yang berkualiti. Selain berkhidmat di institusi masing-masing, mereka juga menyumbang dari segi memberikan pandangan dan idea dalam keputusan yang dibuat oleh kerajaan serta perubahan dasar yang akan dilaksanakan oleh kerajaan. Perkara ini termasuklah menjadi panel-panel dan membuat kajian berkenaan dasar-dasar yang akan dilaksanakan oleh kerajaan serta melaksanakan kajian dan penyelidikan bagi menghasilkan penyelesaian isu-isu atau

inovasi dalam dan luar negara. Selain itu, ada juga di antara mereka mewakili negara secara rasmi atau tidak rasmi dalam perbincangan atau seminar yang diadakan di peringkat antarabangsa.



## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK DR. LUCAS UMBUL**

**TARIKH** : **14.12.2015**

**SOALAN** : **NO. 54**

**Datuk Dr. Lucas Umbul** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar dari negeri Sabah yang mendapat manfaat dalam pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sejak tahun 2010 hingga November 2015. Berapa ramai yang telah menjelaskan bayaran balik dalam tempoh tersebut.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, sebanyak 36,199 pinjaman telah diluluskan melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak RM876.93 juta sehingga tamat pengajian. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

- (i) Tahun 2012 seramai 10,860 peminjam melibatkan amaun sebanyak RM263.27 juta;
- (ii) Tahun 2013 seramai 12,650 peminjam melibatkan amaun sebanyak RM301.11 juta; dan
- (iii) Tahun 2014 seramai 12,689 peminjam melibatkan amaun sebanyak RM312.55 juta.

Sehingga kini seramai 33 peminjam atau 8.8% telah membuat bayaran balik berbanding keseluruhan 373 orang peminjam Sabah yang patut membuat bayaran balik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JASPAL SINGH**

**TARIKH : 15.12.2015**

**SOALAN : NO. 26**

**Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik pengambilan pelajar ke politeknik bagi tahun 2013, 2014 dan 2015. Antaranya, apakah statistik jumlah pengambilan pelajar India bagi tahun 2013, 2014 dan 2015 serta kursus yang diambil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pengambilan pelajar ke politeknik secara keseluruhannya ialah seramai 31 ribu hingga 37 ribu setiap tahun sejak tiga tahun kebelakang ini. Jumlah pengambilan pelajar kaum India pada tahun 2013 adalah sebanyak 2,205 orang, tahun 2014 sebanyak 3,256 orang dan 3,684 orang pada tahun 2015. Daripada tahun 2013 hingga 2015, 9,145 pelajar kaum India telah mengikuti 83 program pengajian yang ditawarkan di 33 politeknik seluruh Malaysia.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED**

**TARIKH : 15.12.2015**

**SOALAN : NO. 40**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kajian-kajian oleh Universiti Awam atau pihak-pihak berautoriti berkaitan banjir 2014 di Kelantan. Nyatakan hasil kajian dan cadangan penyelesaian.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui pelbagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah melaksanakan projek penyelidikan berkaitan banjir besar yang berlaku pada tahun 2014. Secara keseluruhan, projek penyelidikan yang ditawarkan kepada penyelidik di IPT adalah sebanyak 189 projek di bawah geran penyelidikan pengurusan bencana banjir tahun 2015. Beberapa penyelidikan sedang di peringkat akhir penyediaan laporan, manakala sesetengah penyelidikan masih berterusan untuk tempoh masa tertentu untuk menghasilkan output dan penyelesaian. Antara aspek kajian adalah penelitian faktor dan punca bencana banjir, keberkesanan amaran awal, kesedaran awam, kesiapsiagaan komuniti dan keberkesanan operasi bantuan dan penyelamat.

Selain itu, pihak Kementerian juga sedang mengenalpasti produk-produk penyelesaian masalah yang berpotensi yang boleh digunapakai semasa bencana banjir, yang dihasilkan oleh penyelidik daripada penyelidikan di bawah geran pembangunan prototaip.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. HOU KOK CHUNG**

**TARIKH : 16.12.2015**

**SOALAN : NO. 25**

**Dato' Dr. Hou Kok Chung** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik bilangan IPTS yang berdaftar sehingga bulan Jun 2015 mengikut Universiti, Universiti Kampus Luar Negara dan Kolej serta adakah moratorium berhubung penubuhan IPTS yang masih berkuat kuasa dan jika ya, sehingga bila.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2015 terdapat 510 buah Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Jumlah ini terdiri daripada 61 buah IPTS bertaraf Universiti, 34 buah IPTS bertaraf Kolej Universiti, 9 buah IPTS bertaraf Kampus Cawangan Universiti Luar Negara dan 406 buah IPTS bertaraf Kolej.

Kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan pelaksanaan moratorium (pembekuan) penubuhan IPTS baharu bagi tempoh dua (2) tahun lagi sehingga 31 Januari 2017. Namun, walaupun moratorium dikuatkuasakan, permohonan oleh IPTS masih boleh dipertimbangkan bagi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Permohonan menaik taraf;
- ii. Penubuhan baru kampus luar negara dengan mengambil kira bahawa universiti induk berada dalam kedudukan antara 100 universiti terbaik dunia;
- iii. Perkara-perkara yang dipersetujui berdasarkan keputusan Jemaah Menteri; dan
- iv. Penubuhan IPTS dilaksanakan di kawasan pembangunan baru di Pagoh dan Iskandar Malaysia, Johor.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' BOON SOM A/L INONG**

**TARIKH : 16.12.2015**

**SOALAN : NO. 34**

**Dato' Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) apakah rasional di sebalik langkah memberikan autonomi kepada kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) di setiap negeri dalam perancangan transformasi yang akan dilaksanakan oleh UiTM, serta kesannya terhadap mutu pengajiannya kelak; dan
- (b) apakah faktor yang menyebabkan sehingga kini UiTM masih tidak mahu menerima dan mengambil pelajar berketurunan Siam memasuki universiti berkenaan walaupun Menteri Pendidikan pernah memberi jaminan akan berbuat demikian. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan ketiadaan bangsa Siam dalam sistem permohonan kemasukan secara online ke universiti itu.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan autonomi merupakan agenda besar Kerajaan yang melibatkan pelbagai pihak dan pemegang taruh. Ia juga merupakan proses yang senantiasa berkembang daripada masa ke semasa dan sewajarnya memerlukan ketelitian, ketepatan, komitmen dan usaha yang berterusan agar misi Kerajaan untuk memastikan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mempunyai kewibawaan untuk melangkaui dimensi pengajian tinggi ke arah yang lebih progresif dan global tercapai.

Pemberian status autonomi kepada UiTM pada tahun 2014 dalam empat (4) bidang iaitu institusi governan, kewangan dan penjaan kekayaan, sumber manusia, pengurusan akademik dan kemasukan pelajar adalah berdasarkan pencapaian skor yang diperoleh IPTA tersebut melalui audit kesediaan autonomi berlandaskan

kepada Kod Panduan Amalan Tadbir Urus Terbaik [Code of University Good Governance (CUGG)] menggunakan University Good Governance Index (UGGI) sebagai instrumen penilaian.

Kerajaan telah memutuskan bahawa status autonomi yang telah diberi kepada IPTA ditetapkan bagi tempoh tiga (3) tahun dan selepas berakhir tempoh tersebut, IPTA yang terlibat akan diaudit semula. Langkah ini perlu dilaksanakan bagi memastikan kecemerlangan tadbir urus serta mutu pengajian IPTA di samping memenuhi keperluan tanda aras piawai *CUGG* dan *UGGI* yang akan sentiasa ditambah baik mengikut peredaran masa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dasar pemilihan adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai **90% markah akademik** dan **10% markah kokurikulum**. Prinsip meritokrasi tidak mengira bangsa, kaum, jantina dan agama dalam pemilihan kemasukan. Oleh yang demikian, dalam sistem permohonan kemasukan pelajar, tiada maklumat kaum/ bangsa yang perlu dilengkapkan oleh calon ketika mengemukakan permohonan. Semua Universiti Awam (UA) juga mempunyai autonomi ambilan sendiri berdasarkan kelulusan Senat UA yang telah ditetapkan.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH**

**TARIKH : 16.12.2015**

**SOALAN : NO. 51**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan selain dari program pendidikan tentang dadah yang dijalankan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) apakah program yang dibuat sendiri oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sememangnya bekerjasama dengan pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam melaksanakan banyak aktiviti dan program tentang dadah di seluruh Instituti Pendidikan Tinggi (IPT). Di peringkat Kementerian pula, satu **Garis Panduan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah, Substans Dan Alkohol** telah disediakan dan diguna pakai bagi isu penyalahgunaan dadah di seluruh IPT di Malaysia.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' JASPAL SINGH**

**TARIKH** : **16.12.2015**

**SOALAN** : **NO. 67**

**Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik jumlah pelajar India yang memohon IPTA dan jumlah pelajar India yang berjaya mendapatnya mengikut kursus pengajian pada tahun 2015.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan ke Universiti Awam (UA) adalah berdasarkan prinsip meritokrasi dengan menggunakan pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum. Berdasarkan prinsip meritokrasi, hanya calon atau pemohon yang memperoleh markah merit tertinggi, layak dipertimbangkan dan ditawarkan tempat di UA, tanpa mengira kaum, agama, jantina, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal.

Selain itu, calon atau pemohon juga mestilah memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian dan kriteria-kriteria pemilihan yang telah ditetapkan tertakluk kepada bilangan tempat yang mampu disediakan oleh UA. Terdapat program pengajian seperti program kompetitif di UA memerlukan calon Lulus Ujian Temuduga dan Ujian Khas. Program pengajian ini memerlukan kompetensi tertentu bagi memastikan UA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi keperluan program yang dimohon.



## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM BIN SHARIF**

**TARIKH : 16.12.2015**

**SOALAN : NO. 79**

**Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian dalam meringankan beban pelajar IPT berikutan harga buku meningkat ekoran kejatuhan nilai ringgit.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat prihatin tentang ekoran kejatuhan nilai ringgit. Justeru itu, pihak Kementerian dengan kerjasama **Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)** telah memperkenalkan **Kad Siswa 1 Malaysia** yang mana pelajar-pelajar boleh mendapatkan diskaun 20% apabila mereka membeli buku-buku berkaitan tentang pendidikan. Kad Siswa 1 Malaysia dapat meringankan beban pelajar dengan membeli buku mereka daripada vendor-vendor yang terpilih.

Selain itu, Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM300 juta untuk pemberian **Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M)** dalam bajet mengurus tahun 2016. Agihan BB1M ini adalah selaras dengan strategi kerajaan dalam membantu mengurangkan kos sara hidup khususnya untuk mengurangkan beban pelajar membeli buku dengan harga lebih murah.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK MEGAT ZULKARNAIN BIN TAN SRI OMARDIN**

**TARIKH** : **17.12.2015**

**SOALAN** : **NO. 10**

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omarkin** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kapasiti jalur lebar yang disediakan pada setiap universiti tempatan di negara ini.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa prihatin dengan keperluan dan kepentingan teknologi maklumat dalam menempuhi cabaran global masa kini. Kementerian juga berusaha menyediakan kemudahan terbaik di UA bagi memastikan warga kampus mendapat akses kepada maklumat.

Di bawah inisiatif Malaysian Research Education Network (MYREN), menjelang 31 Disember 2015, Kementerian akan membekalkan kepada semua Universiti Awam dengan tambahan jalur lebar berkapasiti 1 Gbps daripada kapasiti sedia ada di UA, manakala Universiti Penyelidikan akan dibekalkan dengan tambahan jalur lebar berkapasiti sebanyak 2 Gbps. Walau bagaimanapun, UA boleh mengambil inisiatif untuk meningkatkan lagi kapasiti jalur lebar masing-masing.

Sebagai contoh, pada masa ini, UM membekalkan jalur lebar 5Gbps kepada semua warga kampus dan akan meningkatkan jalur lebar dengan kelajuan tambahan 2Gbps menerusi inisiatif MYREN.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN**

**TARIKH : 17.12.2015**

**SOALAN : NO. 20**

**Puan Bathmavathi Krishnan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan Kolej Komuniti yang mempunyai infrastruktur mesra OKU, dan berapakah yang menawarkan kursus Bahasa Isyarat dan negeri-negeri yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan kolej komuniti mempunyai **infrastruktur asas mengikut standard piawaian bangunan** bagi keperluan mesra OKU – Pelajar Berkeperluan Khas (Bermasalah Pembelajaran). Setakat ini, **hanya Kolej Komuniti Selayang** yang menawarkan program **kursus Sijil Asas Kulinari menggunakan bahasa isyarat**. Manakala 11 Kolej Komuniti turut menawarkan pelbagai kursus kepada Pelajar Berkeperluan Khas (Bermasalah Pembelajaran).

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DR. HOU KOK CHUNG**

**TARIKH** : **17.12.2015**

**SOALAN** : **NO. 28**

**Dato' Dr. Hou Kok Chung** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah kriteria-kriteria atau syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk IPTS beralih operasinya kepada model Yayasan atau Foundation dan berapakah jumlah IPTS sedang beroperasi menggunakan model Yayasan atau Foundation termasuk nama-nama IPTS tersebut.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya, penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia ditubuhkan oleh sesebuah syarikat berhad dengan pemegang syer yang diperbadankan di dalam negara. Oleh itu, IPTS tersebut adalah hak milik syarikat yang menubuhkannya. Perkara ini selaras dengan peruntukan seksyen 12 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555)(Pindaan 2009) di mana bagi permohonan penubuhan yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi perlu mempunyai jumlah modal berbayar yang telah ditetapkan, pemegang ekuiti serta memorandum syarikat yang telah diluluskan oleh Ketua Pendaftar IPTS untuk mendaftarkan dan mengoperasikan IPTS.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ENSKU NAIMAH BINTI ENSKU TAIB**

**TARIKH : 17.12.2015**

**SOALAN : NO. 72**

**Tuan Engku Naimah binti Engku Taib** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah kerjasama antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi merealisasikan penubuhan Akademi Keretapi Tanah Melayu Berhad atau MyRa sebagai pusat kecemerlangan keretapi di rantau ini dapat meningkatkan sistem keretapi di negara ini termasuk kajian kemungkinan mewujudkan keretapi di Terengganu.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MoU KTMB dan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah ditandatangani pada 08 November 2015 di UUM. Ia sebagai titik permulaan kerjasama yang erat antara kedua-dua pihak bagi berkongsi pengalaman dan kepakaran yang akan memberikan faedah kepada kedua-dua pihak.

KTMB berminat menjalinkan hubungan dengan UUM dalam bidang pengurusan organisasi dan sumber serta pengurusan logistik. Ia adalah berasaskan pengembangan ilmu dan perkongsian pintar atau “smart partnership” dalam bidang-bidang tersebut. UUM mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan keperluan KTMB untuk mengorak langkah lebih jauh seperti:

- i. Pengangkutan dan Logistik
- ii. Pemasaran
- iii. Pengurusan Perniagaan
- iv. Pengurusan Pelancongan
- v. Sistem Teknologi Maklumat
- vi. Perancangan dan Pengurusan Hartanah

- vii. Pengurusan Aset
- viii. Pengurusan Sumber Manusia
- ix. Pengurusan Organisasi dan Korporat
- x. Perancangan Strategik
- xi. Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan

Pihak KTMB juga berhasrat untuk menaik taraf Akademi KTMB menjadi institusi yang lebih tinggi setaraf dengan universiti. Dengan kepakaran yang pelbagai, UUM berupaya membantu pihak KTMB dalam hal ini. Sebagai langkah awal, kajian perundingan dalam "Feasibility Study" boleh dijalankan bagi mencapai matlamat ke arah **Kolej Universiti KTMB**.

Sekiranya pihak KTMB ingin menjalankan kajian kemungkinan berkaitan pengwujudan keretapi di Terengganu, pihak UUM bersedia menawarkan kepakaran untuk menyediakan khidmat perundingan kajian awal dan kajian lanjut/terperinci yang berkaitan.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORIAH BINTI MAHAT**

**TARIKH : 21.12.2015**

**SOALAN : NO. 33**

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik bagi program MyBrain15 mengikut program yang diambil dan adakah Kerajaan akan meneruskan program ini bagi memastikan negara dapat melahirkan modal insan yang berpengetahuan tinggi, berinovatif dan kreatif ke arah menuju negara maju berpendapatan tinggi.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak program MyBrain15 diperkenalkan pada tahun 2011 sehingga 30 September 2015, seramai 50,772 orang pelajar telah berjaya mendapat penawaran tajaan dengan pecahan mengikut program MyMaster seramai 41,926 orang, MyPhD 8,533 orang dan MyPhD Industri 313 orang.

Pada tahun 2016, program MyBrain15 akan diteruskan terutamanya bagi pelajar yang dalam penajaan sehingga tamat tempoh penajaan yang telah diluluskan.

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang merasionalisasikan Program Biasiswa yang ditawarkan kepada pensyarah universiti dan orang awam termasuk program MyBrain15. Rasionalisasi ini adalah bertujuan untuk menyemak semula sasaran dan hala tuju program biasiswa yang ditawarkan oleh KPT bagi mengoptimumkan perbelanjaan biasiswa KPT ke arah menyokong pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)] di bawah Lonjakan ke-5: Kemampanan Kewangan.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN ZALI BIN MAT YASIN**

**TARIKH** : **21.12.2015**

**SOALAN** : **No.46**

**Tuan Zali bin Mat Yasin** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan serangan ganas yang berlaku di Paris telah mengegarkan seluruh dunia apabila terlibat hampir 129 orang awam maut dan dikhabarkan bahawa Presiden Perancis mahu tempoh darurat yang diisytiharkan diteruskan selama tiga bulan, dan sekiranya perkara ini berlaku apakah tindakan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memastikan pelajar Malaysia selamat serta nyatakan jumlah pelajar kita yang berada di sana.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil berat dan memantau keadaan pelajar-pelajar Malaysia di Perancis. Sehingga tahun 2014, jumlah pelajar Malaysia yang berdaftar dengan pihak Kedutaan adalah seramai 387 orang. Kesemua mereka adalah pelajar tajaan Kerajaan Malaysia. Jika keadaan di Perancis bertambah teruk, maka agensi yang berkaitan seperti pihak penaja, Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian demi menjaga keselamatan pelajar. Pihak KPT akan bekerjasama dengan MKN dan KLN dalam memberi segala bantuan yang diperlukan oleh pelajar bagi memastikan kebajikan mereka terjaga.



## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK YOO WEI HOW**

**TARIKH : 21.12.2015**

**SOALAN : NO. 50**

**Datuk Yoo Wei How** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan prosedur untuk memastikan pelajar yang ditawarkan ke universiti tempatan tidak bertindih antara UPU dan universiti yang dibenarkan untuk mengambil pelajar secara sendiri.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan transformasi pendidikan tinggi di Malaysia, Universiti Awam (UA) telah diberi autonomi untuk membuat pengambilan pelajar sendiri. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan daya saing yang sihat di antara UA dalam urusan pengambilan pelajar serta meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Pemberian autonomi ini dapat menawarkan peluang terbaik kepada pelajar dalam membuat pemilihan program dan universiti pilihan.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**

**TARIKH** : **22.12.2015**

**SOALAN** : **NO. 54**

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan semenjak Pindaan AUKU 2009, berapa ramaikah mahasiswa yang telah dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan akta ini.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), pindaan 2009 memperuntukkan pelajar tidak dibenarkan berpolitik di dalam mahupun luar kampus. Berdasarkan pindaan tahun 2009, tiada kesalahan yang melibatkan tatatertib pelajar berkaitan dengan politik.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2012 AUKU telah dipinda di mana antaranya membenarkan pelajar UA berpolitik di luar kampus. Susulan daripada pindaan AUKU pada tahun 2012, terdapat lima kes tatatertib pelajar yang dilaporkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORIAH BINTI MAHAT**

**TARIKH : 22.12.2015**

**SOALAN : NO. 58**

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik pelajar universiti awam dan swasta mengikut jurusan yang ditawarkan diseluruh negara sejak 2 tahun dahulu hingga sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, enrolmen pelajar di Universiti Awam bagi tahun 2013 adalah 560,359 orang dan bagi tahun 2014 adalah 565,271 orang yang terdiri daripada pelbagai jurusan seperti kejuruteraan, kesihatan, pendidikan, sains sosial dan sastera.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. HOU KOK CHUNG**

**TARIKH : 22.12.2015**

**SOALAN : NO. 72**

**Dato' Dr. Hou Kok Chung** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama yang telah diluluskan pengecualian membayar balik pembiayaan PTPTN bagi tahun-tahun 2013, 2014 dan 2015 mengikut pecahan kaum serta jumlah amaunnya.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah melaksanakan dasar pinjaman boleh ubah yang mengecualikan bayaran balik bagi lulusan graduan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama mulai tahun 2003. Langkah ini diambil atas keprihatinan Kerajaan untuk mengiktiraf pelajar-pelajar cemerlang institusi pendidikan tinggi dan menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap usaha melahirkan modal insan yang berilmu.

Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, seramai 11,767 peminjam telah diluluskan pengecualian bayaran balik kerana mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama melibatkan jumlah pelupusan bayaran balik sebanyak RM317.19 juta. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:


- (i) Bagi tahun 2012, seramai 1,508 peminjam bumiputera dan 1,996 peminjam bukan bumiputera melibatkan amaun pelupusan pinjaman sebanyak RM94.94 juta;
- (ii) Bagi tahun 2013, seramai 2,293 peminjam bumiputera dan 2,039 peminjam bukan bumiputera melibatkan amaun pelupusan pinjaman sebanyak RM115.05 juta ; dan

- (iii) Bagi tahun 2014, seramai 2,031 peminjam bumiputera dan 1,900 peminjam bukan bumiputera melibatkan amaun pelupusan pinjaman sebanyak RM107.20 juta.



# **DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN DAN JAWAPAN BERTULIS**





## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK S. VIGNESWARAN A/L M. SANASEE**

**SOALAN : NO. 60**

**Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada terdapat sebarang langkah pelaksanaan reformasi sistem pendidikan yang bakal diadakan bagi melahirkan anak muda yang merdeka minda, berdikari, inovatif dan mampu berfikiran kritis. Tindakan sebegini bakal melahirkan generasi berdaya saing. Sistem pendidikan kini hanya akan mampu melahirkan generasi yang sekadar bergantung kepada pihak berkuasa tanpa sifat daya maju.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, transformasi pendidikan tinggi telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)] yang merangkumi hala tuju pendidikan tinggi negara untuk tempoh 10 tahun bermula 2015 hingga 2025. Matlamat PPPM (PT) adalah untuk melahirkan bakat yang didorong oleh nilai dengan mentaliti kelas pertama (*value-driven talent with first class mentality*) melalui 10 Lonjakan.

Bagi melahirkan pelajar yang merdeka minda, berdikari, inovatif dan mampu berfikiran kritis, **Lonjakan 1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang** di bawah PPPM (PT) akan memberi tumpuan kepada usaha membangunkan kurikulum yang lebih bersepadu berbanding sebelum ini, di samping meningkatkan ekosistem untuk pembentukan pembangunan pelajar, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kemahiran insaniah pelajar akan lebih diberi perhatian dan dinilai melalui pelaksanaan Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu atau iCGPA yang mana Malaysia menjadi **negara pertama di dunia** menggunakannya. iCGPA tidak hanya

mentaksir pengetahuan dan kemahiran berfikir (sebagaimana amalan sekarang), tetapi juga dapat mentaksir atribut utama lain seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan dan sebagainya.

Selain itu, **program akademik sarjana muda berbentuk 2+2 atau 3+1** turut dilaksanakan bagi memberi persediaan kepada bakal graduan untuk menempuh alam pekerjaan. Ia melibatkan pembelajaran selama 2 atau 3 tahun di kampus dan selebihnya di luar kampus, pembelajaran di industri atau bersama masyarakat. Oleh itu, graduan pada masa hadapan bukan lagi menjadi pencari pekerjaan (***job seeker***), tetapi mereka **akan berubah menjadi pencipta pekerjaan (*job creator*)**. Dalam erti kata lain, pada masa hadapan graduan-graduan lepasan Institusi Pendidikan Tinggi tidak lagi bergantung kepada pekerjaan di sektor kerajaan atau swasta semata-mata tetapi mereka **berupaya mencipta pekerjaan untuk orang lain**.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MAT YASIN**

**SOALAN : NO. 78**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan setakat manakah kebolehpasaran graduan setelah menamatkan pengajian dan apakah langkah Kerajaan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data kebolehpasaran graduan yang terdapat di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2014 terdapat 75.1% graduan telah bekerja **semasa hari konvokesyen** dan 24.9% graduan belum bekerja.

Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan khususnya graduan daripada Universiti Awam, Kementerian Pendidikan Tinggi telah melaksanakan program intervensi kebolehpasaran graduan bagi pelajar tahun/semester akhir.

Program tersebut bertujuan untuk meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah bagi membantu pelajar-pelajar memperoleh pekerjaan dan relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor. Program ini memberi tumpuan kepada pelajar semester/tahun akhir yang mempunyai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.30 dan ke bawah serta pelajar daripada bidang pengajian yang kurang mendapat permintaan daripada industri.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MAT YASIN**

**SOALAN : NO. 81**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan dan peratus pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki bagi sesi pengajian 2015/2016 di universiti awam (UA) dan nyatakan langkah Kerajaan bagi menangani isu ketidakseimbangan antara pelajar lelaki dan perempuan.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada Sesi Akademik 2015/2016, sebanyak 301,038 orang calon telah membuat permohonan untuk kemasukan ke Universiti Awam (UA) bagi peringkat Asasi, Diploma dan Ijazah Pertama dengan **nisbah calon lelaki (37.96%)** dan **calon perempuan (62.04%)**.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 108,901 orang calon dengan nisabah **38.23% calon lelaki** dan **61.77% calon perempuan** telah ditawarkan tempat di UA dalam pelbagai bidang pengajian.

Di samping itu, Kerajaan juga telah memperkasakan politeknik premier dan konvensional serta kolej komuniti bagi penawaran kursus-kursus dan program pengajian yang boleh didominasi oleh pelajar lelaki seperti kejuruteraan, kemahiran dan teknologi, aero angkasa, robotik dan lain-lain.